

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam Undang-Undang Syariah dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam antara negeri-negeri di negara ini khususnya bagi negeri-negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan dan apakah kesan dan implikasi undang-undang serta apakah langkah Kerajaan bagi menyeragamkan Undang-Undang Syariah dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negara ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk memartabatkan kedudukan undang-undang syariah di Malaysia. Bagi maksud itu, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam (MKI) Ke-32 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pada 12 Februari 1988 telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Undang-Undang Syarak dan Sivil ("Jawatankuasa Mengkaji"). Mesyuarat pertama Jawatankuasa Mengkaji yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman, Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwat Islam (BAHEIS), Jabatan

Perdana Menteri pada 6 Mei 1988, telah memutuskan mengenai penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivil ("Jawatankuasa Teknikal") sebagai jawatankuasa bertindak dan menjadi pelaksana kepada Jawatankuasa Mengkaji.

2. Objektif penubuhan Jawatankuasa Teknikal ini antara lain adalah untuk menggubal undang-undang syariah model yang boleh menjadi asas dan panduan kepada negeri-negeri dalam menggubal undang-undang syariah yang seragam. Ini juga penting untuk memastikan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang syariah dapat dilaksanakan di seluruh Malaysia.

3. Pada 2001, lima (5) undang-undang yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal telah dipersetujui untuk diseragamkan oleh negeri-negeri seluruh Malaysia iaitu:

- (a) undang-undang pentadbiran Agama Islam;
- (b) undang-undang keluarga Islam;
- (c) undang-undang keterangan mahkamah Syariah;
- (d) undang-undang tatacara mal mahkamah Syariah; dan
- (e) undang-undang tatacara jenayah Syariah.

4. Walaupun kelima-lima undang-undang ini telah diseragamkan, namun terdapat negeri-negeri yang membuat pindaan kepada enakmen masing-masing selepas itu yang menyebabkan terdapat perbezaan dalam peruntukan antara negeri-negeri. Namun demikian, perbezaan tersebut tidaklah ketara sehingga boleh memberi kesan atau implikasi perundangan yang berbeza.

5. Usaha penyeragaman dan penyelarasan ini masih diteruskan sehingga ke hari ini. JAKIM melalui Jawatankuasa Teknikal kini sedang dalam tindakan untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman. Terdapat juga beberapa penambahbaikan lain yang akan turut dimasukkan, antaranya dengan memperuntukkan dan

memperkemas elemen-elemen kesalahan bagi kesalahan-kesalahan tertentu dalam undang-undang jenayah syariah ini.

6. Terdapat perbezaan peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam di Selangor dan Negeri Sembilan. Selangor telah meminda had umur minimum perkahwinan perempuan daripada 16 tahun kepada 18 tahun dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 pada tahun 2018 dan mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2019. Negeri Sembilan pula telah membuat pindaan dengan memasukkan peruntukan berkenaan kursus pra-perkahwinan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

7. Kerajaan, melalui Jawatankuasa Teknikal, juga sedang mengkaji penambahbaikan kepada empat (4) undang-undang syariah utama yang telah diseragamkan oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia iaitu:

- (a) undang-undang keluarga Islam;
- (b) undang-undang keterangan mahkamah syariah;
- (c) undang-undang tatacara mal mahkamah syariah; dan
- (d) undang-undang tatacara jenayah syariah.

8. Hasil kajian penambahbaikan ini akan dibentangkan kepada negeri-negeri seluruh Malaysia untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan melalui forum-forum seperti Majlis Dialog Undang-Undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Persidangan Ketua-Ketua Jabatan (PKJ), Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan Majlis Raja-Raja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN

DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan fasiliti di Hospital Miri adalah mencukupi untuk mengatasi masalah pandemik COVID-19 serta memastikan wabak-wabak dapat dikawal dan tidak lagi menjadi ancaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Miri merupakan sebuah hospital pakar major berkapasiti 349 katil dengan kadar penggunaan katil sebelum pandemik COVID-19 adalah 70.58%.
2. Susulan peningkatan kes COVID-19 di Miri, sebanyak 57% daripada katil hospital telah diperuntukkan untuk merawat pesakit COVID-19 iaitu 182 katil bukan kritikal dan 16 katil ICU dengan purata (7 hari) kadar penggunaan katil masing-masing 23% dan 36%, sehingga 2 Disember 2021.
3. Bagi meningkatkan kapasiti katil pesakit COVID-19, sebuah Hospital Medan COVID-19 dengan kapasiti 66 katil telah diwujudkan di Hospital Miri dengan kerjasama MERCY Malaysia dan telah beroperasi sejak 14 Oktober 2021 untuk merawat pesakit kategori 1 hingga 3.
4. Selain itu, kapasiti katil bagi merawat pesakit COVID-19 turut ditingkatkan dengan penyediaan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) bagi merawat pesakit COVID-19 kategori 1,

SOALAN NO : 230

2, 3 dan 4. Terdapat 5 PKRC di daerah Miri dengan jumlah kapasiti katil sebanyak 1,000 dan kadar penggunaan 4%. Sebanyak 18 daripada jumlah katil PKRC ini dilengkapi dengan bekalan oksigen.

5. Bagi tahun 2021, sebanyak RM 4,006,400.00 telah diperuntukkan untuk peralatan perubatan COVID-19 dan bukan COVID-19 di Hospital Miri bagi membantu perawatan pesakit. Peralatan perubatan yang telah diperolehi termasuk 7 *ventilator* (5 *invasive ventilator*, 1 *non-invasive ventilator* dan 1 *transport ventilator*), 9 *high-flow nasal device* dan 6 *patient monitor*. Hospital Miri turut menerima sumbangan 19 *ventilator* (9 *invasive ventilator* dan 10 *non-invasive ventilator*) serta 2 *oxygen concentrator*. Hospital Miri juga bakal menerima 10 *High-Flow Nasal Cannula*, 15 *Portable Ventilator*, 20 *syringe pump*, 10 *volumetric pump* dan 3 *Powered Air-Purifying Respirator (PAPR)* hasil mobilisasi peralatan dari Lembah Klang.

6. Hospital Miri juga terlibat dengan penyumberluaran perkhidmatan kesihatan pesakit bukan COVID-19. Setakat pertengahan Oktober 2021, sebanyak RM 1,039,930.94 telah dibelanjakan oleh Hospital Miri untuk penyumberluaran kes pembedahan dan bukan pembedahan.

7. Bagi perancangan jangka masa panjang, blok baharu Hospital Miri dengan kapasiti 328 katil sedang dibina (projek RMKe-11) dan dijangka siap pada Oktober 2023. Blok baharu 7 tingkat ini menyediakan ruang baharu untuk pelbagai perkhidmatan iaitu Obstetrik dan Ginekologi, Pediatrik, Pembedahan Am, Radiologi, Kecemasan dan Trauma, Pusat Jagaan Harian, Bilik Bedah, ICU Dewasa, ICU Kanak-kanak, ICU Neonatal, Farmasi pandu lalu dan makmal perubatan.

8. Selain itu, pesakit COVID-19 juga boleh menerima rawatan di Hospital Marudi iaitu hospital *Non-lead (NLH)* bagi Hospital Kluster Sarawak Utara yang menyediakan 22 katil tambahan bagi pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4.

Sekian, terima kasih.